

27 JUL 2000

Mahathir-gilir/I

PENGGILIRAN KETUA MENTERI : TERPULANG KEPADA RAKYAT SABAH, KATA PM

KOTA KINABALU, 27 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah akan diteruskan jika rakyat negeri itu selesa dengannya.

"Saya berpendapat bahawa terpulang kepada rakyat Sabah untuk membuat keputusannya. Jika mereka selesa dengan sistem itu, ya...ianya akan diteruskan, tetapi jika mereka merasakan perlu ditukar, terpulang kepada mereka," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas merasmikan kongres ke-6 Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO), sebuah parti komponen Barisan Nasional.

Ketika ditanya tentang pendapatnya mengenai sistem itu, Dr Mahathir berkata ia telah berjalan baik setakat ini.

Sistem yang diperkenalkan oleh Barisan Nasional pada 1994 membolehkan pemimpin-pemimpin tiga kaum utama di Sabah terdiri Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam bergilir-gilir menjadi ketua menteri masing-masing selama dua tahun.

Ketika diminta mengulas pendapat sesetengah pihak kononnya sistem itu menjejaskan kelicinan pentadbiran kerajaan negeri, Dr Mahathir berkata: "Kesinambungan tetap ada dan mereka yang pernah menjadi ketua menteri pun tak ada halangan kalau dia (dilantik semula) berkhidmat sebagai anggota kabinet."

Ketua menteri mengikut sistem itu ialah Tun Sakaran Dandai, Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Tan Sri Bernard Dompok dan Datuk Osu Sukam.

Pada sidang media itu, Dr Mahathir juga ditanya sama ada kabinet persekutuan akan dirombak tidak lama lagi, beliau menjawab: "Saya tak tahulah...kadang-kadang terlintas juga di fikiran saya, kadang-kadang pula tidak. Memanglah, saya memikirkan tentangnya tetapi buat masa ini, saya tidak (ada rancangan)."

Mengenai hasrat UPKO untuk meminda perlembagaan parti itu pada kongres kali ini untuk membolehkannya menubuhkan cawangan di luar Sabah, Dr Mahathir berkata ia adalah hak parti itu untuk membuat keputusan.

"Kita tengok dulu sama ada ia disambut baik atau sebaliknya, tetapi setakat ini tak ada halangan (untuk UPKO berbuat demikian)," katanya.

Beliauberkata walaupun UPKO berjuang untuk kepentingan masyarakat Kadazandusun dan Murut di Sabah, parti itu juga turut menyumbang untuk kepentingan kaum-kaum lain di negeri itu.

"Terpulanglah kepada kaum Kadazandusun untuk menentukan," kata Dr Mahathir ketika menjawab satu soalan sama ada UPKO mampu menjadi satu-satunya parti yang akan menjadi landasan perjuangan politik masyarakat berkenaan di Sabah.

Ketika ditanya mengenai tindakan enam Anggota Dewan Undangan Negeri Sabah dari Parti Bersatu Sabah (PBS) termasuk anggota kawasan Bingkor Datuk Dr Jeffrey Kitingan keluar dari parti itu untuk menyertai sebuah komponen BN, Dr Mahathir berkata: "Kita tengok dulu mana masalah yang boleh diselesaikan tetapi PBS tentu tahu bahawa mereka ini tidak berminat lagi untuk menjadi ahli PBS."

Keenam-enam wakil rakyat itu dilaporkan menghadapi "masalah" ekoran tindakan presiden PBS Datuk Joseph Pairin Kitingan minggu lepas mengemukakan surat peletakan jawatan mereka sebagai anggota dewan kepada Speaker dewan Datuk Hassan Alban Sandukong.

Sebelum pilihan raya negeri pada Mac tahun lepas, semua calon dari PBS

disyaratkan menandatangani surat untuk mengosongkan kerusi jika mereka melompat parti.

Kepada satu soalan mengenai perkara lain, Dr Mahathir berkata usaha perlu dibuat untuk mengenal pasti produk dari Sabah dan Sarawak yang boleh dipasarkan di Semenanjung.

Ini, kata Perdana Menteri, bagi mengurangkan kos perkapalan.

"Pada masa ini, dagangan hampir sehalu. Banyak barangan dibawa dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak tetapi tidak banyak yang dibawa balik, maka kapal tiada muatan.

"Jadi, kita akan cuba cari produk...Sabah mempunyai potensi dalam pengeluaran pertanian dan perikanan, dan saya pasti mereka akan meningkatkan pengeluarannya," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

JS MAI